

06/07/1998

Kesusasteraan wajar jadi subjek teras

Misran Rokimin

GABUNGAN Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) dalam mesyuarat agung ke-27, awal Mei 1998, membuat keputusan antara lain, mendesak Kementerian Pendidikan agar subjek kesusasteraan dijadikan mata pelajaran teras di sekolah.

Pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, apabila dijadikan mata pelajaran teras statusnya sama dengan subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Sains, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Jika statusnya menjadi demikian, subjek itu wajar diambil oleh semua pelajar tingkatan lima.

Desakan ini dirasakan bukan dilakukan dengan penuh emosional oleh ahli gabungannya, tetapi dengan rasa sedar dan penuh tanggungjawab. Semua ahli sedar bahawa ilmu kesusasteraan itu satu bidang ilmu yang dapat menyumbang kepada pembentukan jiwa, pemikiran dan rasa keinsanan setiap individu.

Ilmu kesusasteraan diakui kepentingannya sejak zaman Plato dan Aristotle, lebih tiga ribu tahun dahulu. Satu mekanisme yang dianggap berkesan bagi menyalurkan ilmu ini sudah tentulah menerusi pendidikan di sekolah.

Maka itu pendirian Gapena terhadap isu ini perlu diberi perhatian wajar.

Mengimbas kembali sejarah pendidikan kesusasteraan di negara ini bolehlah dianggap ia bermula pada tahun 1951, sewaktu negara di bawah pemerintahan Inggeris. Dalam Laporan Barnes 1951, ada mencatatkan satu bentuk ilmu kesusasteraan perlu diajar di sekolah.

Selain memantapkan pengajian bahasa Melayu ia juga bertujuan memberi kesedaran kepada orang Melayu agar mengenali diri mereka sendiri menerusi kesusasteraan. Bagi memenuhi hasrat itu mata pelajaran sastera telah digabungkan dengan mata pelajaran Bahasa Melayu pada waktu itu.

Kesedaran pentingnya ilmu kesusasteraan semakin bertambah dari semasa ke semasa. Apabila Laporan Razak 1956 dibentuk, pendidikan sastera menjadi subjek yang diasingkan daripada Bahasa Melayu.

Ekoran Laporan Razak, maka pada 1957 secara rasminya subjek Malay Literature (Kesusasteraan Melayu) diperkenalkan. Subjek ini diletakkan di bawah kategori IIA iaitu General Subject.

Mulai tahun itu juga pelajar boleh mengambil kertas Malay Literature sebagai subjek pilihan dalam peperiksaan Federation of Malay Certificate of Education (FMC), yang sama tarafnya dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada waktu ini.

Calon dibenarkan menjawab soalan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Bermula 1959, peraturan menjawab soalan dalam Bahasa Melayu sahaja mula dikuatkuasakan.

Dasar ini berterusan hingga sekarang. Walaupun melalui beberapa perubahan terutama apabila Kementerian Pendidikan memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada 1991, pada hakikatnya pendidikan Kesusasteraan Melayu masih lagi menjadi subjek pilihan dalam peperiksaan SPM.

Namun begitu falsafah pendidikannya lebih terfokus iaitu ingin membentuk nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kebudayaan dan kewarganegaraan.

Bagi memenuhi matlamat falsafah pendidikan itu, Kementerian Pendidikan meletakkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di bawah Kumpulan 1 iaitu Kemanusiaan, bersama subjek pilihan lain seperti Kesusasteraan dalam Bahasa Inggeris, Geografi, Pendidikan Seni dan Bahasa Arab Tinggi.

Melihat fenomena masyarakat, terutamanya remaja yang semakin tidak terarah tujuan hidupnya ketika ini, sesuatu yang positif bagi membina jatidiri anak muda perlu dilakukan, antaranya menerusi pendidikan.

Selain agama yang wajib dipelajari, ilmu lain seperti sejarah, moral, falsafah, kesenian dan kesusasteraan juga perlu diberi penekanan khusus.

Pengajian ilmu Kesusasteraan di Amerika Syarikat misalnya, diperkenalkan sejak kurun ke-18, apabila tertubuhnya Franklin's Philadelphia Academy pada 1751.

Mereka berpendapat kesusasteraan perlu diajar di sekolah kerana, "...the consideration of literature as a source of vicarious experience which could be used to aid student in better character development and better social adjustment".

Begitulah kuatnya peranan kesusasteraan yang boleh digunakan untuk membantu membangunkan sahsiah pelajar yang lebih baik, di samping dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan masyarakat.

Kesedaran yang mendalam terhadap kesusasteraan menjadi sistem pendidikan mereka. Orang Barat meletakkan nilai ilmu kesusasteraan begitu tinggi dan terus mendapat tempat sejak dahulu hingga sekarang.

Pelajar di Barat perlu mempelajari kesusasteraan sejak peringkat sekolah rendah, menengah hinggalah ke universiti, tanpa mengambil kira aliran pengajian mereka.

F R Leavis, sarjana sastera yang pernah memberi kuliah di Universiti Cambridge dari 1937-1962, menegaskan dalam bukunya, *Education and the University* (1972) bahawa pengajian kesusasteraan sepatutnya menjadi pusat pengajian semua pengetahuan yang diajar di universiti, kerana pengajian kesusasteraan lebih penting demi meninggikan peradaban bangsa daripada pengajian kejuruan (vocational).

Leavis seterusnya berpendapat masyarakat harus memahami hakikat mempelajari sastera berbeza dengan hakikat mempelajari sains dan teknologi.

Sains dan teknologi adalah mata pelajaran kejuruan yang sifatnya memang menyediakan kemahiran khas manusia bagi melayakkan mereka menjadi doktor, jurutera dan arkitek.

Orang yang mempelajari sastera tidak mesti ditetapkan pekerjaan tertentu dan memang tidak diharapkan berbuat demikian kerana sifatnya yang subjektif.

Tetapi kalau kesusasteraan itu dipelajari sungguh-sungguh, ia memperkayakan pengalaman peribadi dan berupaya me-angkat peradaban sesuatu bangsa.

Atas dasar pemahaman yang mendalam ini jugalah memberi cetusan ilham kepada pemimpin negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menulis kertas kerja Malaysia Melangkah Ke Hadapan yang dibentangkan di Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Februari 1991 di Kuala Lumpur.

Kertas kerja itu menjelaskan wawasan beliau terhadap negara ini menjelang tahun 2020. Pada tahun itu Malaysia sudah mencapai ke tahap negara maju, setanding dengan negara Barat menurut acuan kita sendiri.

Jika diteliti sembilan cabaran yang mendasari wawasan itu lebih kepada persoalan sosial, kerohanian, kejiwaan dan kekeluargaan.

Tidak keterlaluan dikatakan, tercetusnya pemikiran beliau itu, hasil pengalaman, pemerhatian dan pembacaan beliau yang luas. Antara bahan bacaan yang menjadi minat beliau ialah membaca novel. Dalam majalah *Time* keluaran 9 Disember 1996, beliau mengakui banyak membaca novel Jeffrey Acher, Dick Francis dan Sydney Sheldon.

Sedikit banyak pembacaan itu ada pengaruhnya dalam membuat dasar pentadbirannya. Ini kerana karya sastera bukan saja imaginasi pengarangnya, tetapi ada mengandungi fakta sebenar dan ilmu pengetahuan yang patut dipelajari.

Memahami hakikat itu jugalah mendorong Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengungkapkan betapa pentingnya pendidikan sastera itu dengan memperkenalkan karya agung sejak usia muda lagi.

Dalam bukunya *The Asian Renaissance* (1996) beliau begitu yakin bahawa kesusasteraan berupaya meningkatkan rasa kemanusiaan seseorang sebagaimana katanya: "Apart from religion, it is literature that will enable us to regain the fullness of our humanity".

Berdasarkan pandangan di atas, penulis berasa ada rasionalnya gesaan Gapena itu.

Gesaan itu perlu diberi perhatian serius pihak berwajib, kerana karya sastera bukan wadah kaum seniman melampi-askan rasa hampa, kecewa dan rindunya.

Tetapi ada ilmu yang hendak disampaikan dan boleh dipelajari daripadanya.

Dengan itu apabila kesusasteraan dijadikan teras, ini akan mengangkat martabat ilmu itu pada mata masyarakat negara ini yang sentiasa diasyikkan dengan pembangunan bersifat kebendaan.

Pelajar kita sejak di bangku sekolah rendah hingga ke universiti perlu diyakinkan bahawa ilmu kesusasteraan amat penting dalam hidup mereka dan perlu dipelajari bersungguh-sungguh.

Apabila mereka dapat diyakini kebaikan kesusasteraan, mereka akan bangga dengan subjek yang mereka pelajari, sebagaimana penuntut di negara Barat berbangga jika mereka mempelajari kesusasteraan.

Situasi begitu pernah diungkapkan Sasterawan Negara Prof Muhammad Salleh dalam *New Straits Times* (4 Mac 1998) yang menyebut: "Take a leap to Harvard University, where the situation is quite the reverse its most popular class is Shakespeare, a subject which students take with a certain pride and arrogance".

Pelajar negara ini terutama di universiti, perlu ada sikap demikian yang memandang tinggi ilmu kesusasteraan itu.

Apabila sikap sedemikian mendasari jiwa mereka, maka mereka juga tidak segan silu membawa dan membaca novel A Samad Said, Shahnnon Ahmad, Arena Wati, Khadijah Hashim atau siapa saja.

Gapena membuat gesaan bukan renekan yang meminta diperhatikan, tetapi ada asas kukuh mengapa subjek Kesusasteraan itu wajar dijadikan subjek teras dalam pendidikan negara.

(END)